

20/09/2002

Sektor domestik tumpuan utama Belanjawan 2003 (HL)

Azizi Othman; Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis - Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan di Parlimen esok, memberi penekanan kepada usaha meningkatkan fungsi sektor domestik dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, belanjawan kali ini turut menyediakan peruntukan lebih besar bagi pendidikan terutama di peringkat sekolah rendah serta program pembangunan wanita.

Katanya, usaha meningkatkan fungsi sektor domestik dalam menjana pertumbuhan ekonomi dibuat bagi mengurangkan pergantungan negara kepada pelaburan langsung asing (FDI).

"Itulah tumpuan pertama (belanjawan kali ini), iaitu ekonomi yang berpunca daripada sumber dalam negara dan tidak terlalu bergantung kepada FDI.

"Malah, (terlalu bergantung kepada) import eksport pun kita tak mahu. Ini kerana dagangan kita dua kali ganda lebih besar daripada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) sedangkan di negara maju, dagangan luar hanya antara 20 hingga 30 peratus KDNK.

"Jadi, bukan kita nak kurang dagangan tetapi kita mahu tingkatkan sumber lain kepada KDNK. Lain-lain sumbangan mesti datang daripada sumber dalam negara.

"Untuk ini, beberapa insentif dan cukai akan turut diberikan," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan terakhir penyediaan ucapan Belanjawan 2003 di Perbendaharaan, di Precinct 2, di sini, malam ini.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd

Ali; dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, jika sebelum ini tumpuan pendidikan diberi kepada peringkat tinggi, Belanjawan 2003 mengutamakan agihan di peringkat rendah.

"Ini kerana kita berpendapat bahawa pembentukan peribadi rakyat bermula daripada sekolah rendah," katanya.

Perdana Menteri berkata, keutamaan juga diberikan kepada wanita kerana fungsi mereka dalam pembangunan negara dan pembentukan keluarga bahagia semakin meningkat.

"Itulah strateginya. Butiran lanjut... esok kita boleh dengar," katanya.

Perdana Menteri berkata, Belanjawan 2003 juga akan menyediakan galakan kepada sektor perniagaan menyediakan insentif, mengurangkan cukai atau memanjangkan tempoh galakan.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan turut diberi perhatian terutama bagi membangunkan pelancongan, pelabuhan dan pengangkutan supaya lebih berasaskan teknologi maklumat.

Sementara itu, Belanjawan 2003 turut dijangka meneruskan kesinambungan usaha kerajaan memastikan rakyat mampu menikmati kehidupan lebih selesa.

Bagi orang ramai, Belanjawan 2003 dijangka memberikan beberapa berita gembira iaitu kemungkinan kerajaan mengumumkan hari bekerja bagi kakitangan kerajaan dikurangkan kepada hanya lima hari seminggu, sama seperti kebanyakan pekerja swasta.

Kerajaan juga dijangka memberi lebih banyak pelepasan cukai pendapatan kepada individu, dengan golongan berpendapatan sederhana dan rendah mungkin mendapat rebat antara lima hingga 10 peratus.

Bagi menggalak rakyat berbelanja dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara, Belanjawan 2003 juga dijangka memberikan pemotongan sementara satu peratus kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) individu yang kini berjumlah 11 peratus.

Untuk menggalak rakyat memiliki rumah pula, Belanjawan 2003 dijangka membuat perubahan terhadap struktur cukai keuntungan hartanah manakala tempoh pengecualian duti setem untuk pembelian kediaman dijangka dilanjutkan.